

SJKC KEOW KUANG

BUKIT KECIL, BUKIT MERTAJAM

PENILAIAN PEMAHAMAN BAHASA MALAYSIA

TAHUN 5 (MAC 2017)

BAHAGIAN A [20 markah]

Soalan 1 hingga 16

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. Perdana Menteri akan melawat ke Kampung Temasik esok. Semasa lawatan itu, \_\_\_\_\_ akan merasmikan dewan baharu kampung itu.  
A. dia  
B. encik  
C. beliau  
D. baginda

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah.



2. Pak Cik Kim dan anak lelakinya sedang \_\_\_\_\_ dinding rumah untuk menyambut Tahun Baharu Cina yang akan menjelang tidak lama lagi.  
A. mengecat  
B. mengelap  
C. melakar  
D. melukis
3. Zaki kelihatan \_\_\_\_\_ walaupun memakai baju yang tidak berjenama.  
A. ayu  
B. jelita  
C. comel  
D. tampan

Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah.



4. Profesor Kim Wer seorang yang menjadi pensyarah kanan di universiti itu.  
A. seniman  
B. karyawan  
C. sasterawan  
D. cendekiawan
5. Kejayaan abangnya menjadi \_\_\_\_\_ kepadanya untuk berjaya dalam pelajaran.  
A. terdorong  
B. pendorong  
C. mendorong  
D. pendorongan

Soalan 6 berdasarkan gambar di bawah.



6. Mary sedang \_\_\_\_\_ bunga di dalam pasu dengan sabar.
- A. mencuci  
B. menjahit  
C. menyolek  
D. mengubah
7. Kakak berasa gembira \_\_\_\_\_ berjaya melanjutkan pelajaran ke universiti.
- A. supaya  
B. kerana  
C. tetapi  
D. lalu
8. \_\_\_\_\_ pendapat yang diberikan dalam mesyuarat itu sangat bernas.
- A. Para  
B. Ketiga  
C. Sekalian  
D. Sesetengah

Soalan 9 berdasarkan gambar di bawah.



9. " \_\_\_\_\_, sakitnya!" jerit Sumitha apabila kakinya digigit lintah.
- A. Syabas  
B. Amboi  
C. Aduh  
D. Wah

Soalan 10 berdasarkan gambar di bawah.



10. Ganesh berlari \_\_\_\_\_ apabila dikejar seekor anjing yang garang di tepi jalan itu.
- A. lalu-lalang  
B. kacau-bilau  
C. lintang-pukang  
D. mundur-mandir
11. " \_\_\_\_\_ kamu akan pergi melancong ke Pulau Tioman?" tanya Julia kepada Lili.
- A. Apakah  
B. Bilakah  
C. Siapakah  
D. Di manakah

Soalan 12 berdasarkan gambar di bawah.



12. Di \_\_\_\_\_ rumah Rahman terdapat sebatang pokok kelapa.
- A. Depan  
B. Bawah

C. Dalam

D. atas

13. Nelayan itu memasukkan beberapa \_\_\_\_\_ mata kail dan serawan jala ke dalam sampannya.

A. Buah

C. Bentuk

B. Bidang

D. batang

14. \_\_\_\_\_ acara sukan rakyat dipertandingkan pada Hari Keluarga itu.

A. Sebelas

C. Setengah

B. Separuh

D. Segelintir

15. Puan Dewi melarang anak-anaknya menonton televisyen hingga lewat malam.

A. "Kita mesti menonton televisyen hingga lewat malam," kata Puan Dewi kepada anak-anaknya.

B. "Jangan menonton televisyen hingga lewat malam," kata Puan Dewi kepada anak-anaknya.

C. "Anak-anak saya tidak boleh menonton televisyen hingga lewat malam," kata Puan Dewi.

D. "Tolong beritahu anaknya supaya jangan menonton televisyen hingga lewat malam," kata Puan Dewi

Pilih ayat yang betul

16.

A. Ayah menghadihkan ibu seutas rantai emas sempena hari jadinya.

B. Kamala akan melanjutkan pelajaran di dalam bidang kejuruteraan.

C. David telah berjaya mendapat segulung ijazah pada tahun hadapan.

D. Kerjaya sebagai juruterbang sangat mencabar.

**Soalan 17 hingga 20**

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Za'aba atau Zainal Abidin bin Ahmad dilahirkan di Batu Kikir, Jempol, Negeri Sembilan pada 16 September 1895. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Batu Kikir dan Sekolah St. Paul, Seremban. Pada tahun 1915, beliau menjadi anak Melayu pertama yang lulus Senior Cambridge.

Za'aba pernah bertugas sebagai guru Bahasa Inggeris di Johor Bahru dan Kuala Kangsar. Selain itu, beliau juga pernah bertugas di Pejabat Karang Mengarang di Pejabat Penerangan Singapura, Penterjemah Mahkamah Tinggi dan di Jabatan Pelajaran.

Pada tahun 1947, beliau telah dihantar ke Universiti London untuk belajar sambil bekerja. Beliau hanya memperoleh ijazah sarjana muda pada usia 58 tahun. Selepas itu, beliau telah menjadi pensyarah dan Ketua Jabatan Pengajian Melayu di Universiti Malaya.

Za'aba telah menggunakan segala ilmu yang diperolehi untuk mengarang makalah dan buku-buku. Antara buku-buku beliau yang terkenal ialah Pelita Bahasa I, II dan III, Asuhan Budi Menerusi Islam dan Buku Kalong Bunga I dan II. Buku-buku ini masih digunakan sehingga sekarang. Walaupun sudah lama meninggal dunia, Za'aba masih dikenang sebagai seorang pejuang bahasa yang ulung.

17. Za'aba dikenali sebagai seorang...
- A. Ahli politik  
B. Ahli bahasa  
C. Ahli falsafah  
D. Ahli perniagaan
18. Mengapakah Za'aba dihantar ke Universiti London?
- A. Pengarang buku  
B. Penterjemah bahasa  
C. Belajar sambil bekerja  
D. Menjadi guru Bahasa Inggeris
19. Di manakah Za'aba memperoleh ijazah sarjana muda?
- A. Universiti London  
B. Universiti Melayu  
C. Senior Cambridge  
D. Sekolah Melayu Batu Kikir
20. Berikut ialah perkerjaan yang pernah dilakukan oleh Za'aba, kecuali...
- A. Guru bahasa  
B. Penerbit buku  
C. Pensyarah universiti  
D. Penterjemah mahkamah.

Bahagian B [30 markah]

Soalan 21

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan yang diberi.

|        |        |       |        |
|--------|--------|-------|--------|
| dan    | atau   | untuk | yang   |
| hingga | kerena | agar  | bahawa |

Han Jun murid Tahun Lima Bijak. Dia telah belajar bersungguh-sungguh \_\_\_\_\_  
mencapai keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan. Tetapi, keputusan peperiksaan kali ini  
tidak memuaskan hatinya. Dia sedar \_\_\_\_\_ usaha sangat penting jika ingin berjaya.

Di dalam kelas, dia memberi tumpuan ketika guru sedang mengajar dan rajin bertanya jika  
ada yang tidak difahaminya. Dia juga rajin mengulang kaji pelajaran dan mengadakan perbincangan  
dengan rakan-rakannya. Akhir sekali, Han Jun berjaya mendapat keputusan \_\_\_\_\_ cemerlang.  
Ibu bapanya sangat gembira. Han Jun mengucapkan terima kasih kepada guru dan rakan-rakannya  
\_\_\_\_\_ banyak membantunya.

### Soalan 22

- a. Tulis ayat tanya yang paling sesuai bagi jawapan yang diberi.

Ayat tanya:

---

---

Jawapan: Bukan saya yang meminjam buku kamu semalam.


- b. Tulis dialog yang sesuai bagi watak di bawah.



---

---

- c. Soalan berikut berdasarkan gambar di bawah.



Nyatakan peribahasa yang sesuai berdasarkan gambar di atas.

Soalan 23

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

(Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi) merupakan Perdana Menteri Malaysia yang kelima. Beliau menjadi Perdana Menteri bermula 31 Oktober 2003.

Beliau dilahirkan pada 26 November 1939 di Kampung Perlis, Bayan Lepas, Pulau Pinang. Tun Abdullah mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Permatang Bertam. Kemudian, beliau bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Bukit Mertajam dan Sekolah Lelaki Methodist Pulau Pinang. Sejak kecil lagi, Tun Abdullah sudah menerima pendidikan agama daripada keluarganya. Kemudian, beliau melanjutkan pelajaran di Universiti Malaya dalam bidang Pengajian Islam.

Selepas menerima ijazah, Tun Abdullah bekerja dalam perkhidmatan awam. Bagaimanapun, beliau telah berhenti daripada perkhidmatan awam pada tahun 1978 (untuk melibatkan diri dalam politik.) Beliau pernah menjawat beberapa jawatan penting seperti Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Menteri Pelajaran, Menteri Pertahanan dan Menteri Luar Negeri. Pada Januari, 1999 pula, beliau dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Semasa menjadi Perdana Menteri, beliau amat mengambil berat tentang mutu perkhidmatan awam. Beliau menggesa kakitangan awam agar dapat memberikan perkhidmatan yang berkesan. Sebagai contoh, beliau mahu segala urusan perkhidmatan kaunter dijalankan dengan lebih cekap.

- a. Siapakah Perdana Menteri Malaysia yang kelima?

---

- b. Mengapakah Tun Abdullah Ahmad Badawi berhenti daripada perkhidmatan awam?

---

- c. Padankan pernyataan di bawah berdasarkan petikan.

如果这考卷对您有帮助，请考虑提供您所拥有的考卷，让其他人也受惠  
您可电邮至 [30commy@gmail.com](mailto:30commy@gmail.com) 或 PM 我们的 Facebook 专页: [fb.com/sjkcmy](https://fb.com/sjkcmy)

|  |
|--|
| Tun Abdullah Ahmad Badawi tidak pernah melibatkan diri dalam politik.                              |
| Tun Abdullah Ahmad Badawi merupakan Perdana Menteri yang berasal dari Pulau Pinang.                |
| Tun Abdullah Ahmad Badawi pernah menjadi Timbalan Perdana Menteri sebelum menjadi Perdana Menteri. |
| Tun Abdullah Ahmad Badawi melanjutkan pelajaran di Universiti Malaysia Perlis.                     |

|       |
|-------|
| Betul |
| Salah |

Soalan 24

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

### Tawaran Istimewa

Pada pagi Ahad itu, suasana di restoran rumah rehat begitu tenang. Pengunjung sudah datang untuk bersarapan sejak awal pagi lagi. Suasana pagi itu bertambah ceria dengan kehadiran anggota keluarga Encik Chandran.

Encik Chandran dan Puan Jayanti bagaikan tuan rumah. Mereka melayan setiap anggota keluarga dengan bertanyakan menu yang ingin dipesan. Sementara menunggu makanan dan minuman itu disiapkan, mereka berbual-bual sambil mendengar lagu sebagai halwa telinga.

Tiba-tiba, Encik Narendra bersuara. "Pak cik ingin menawarkan hadiah istimewa kepada sesiapa yang cemerlang dalam pelajaran," ujarinya.

"Wah, seronoknya! Hadiah itu mendorong kami untuk belajar bersungguh-sungguh," ulas Ajay.

"Sambil kita mengeratkan hubungan, jangan lupa tentang hadiah istimewa itu," ujar Puan Jayanti.

"Sebelum kita berkemas pulang, marilah kita bergambar. Jangan lupa, tempat ziarah yang akan datang ialah Kuantan, tempat Pak Cik Mahendra. Dari Kuantan, kita ke Pantai Cherating pula," jelas Encik Chandran.

Soalan 24

- a. Perkataan *kehadirkan* dalam petikan boleh juga digantikan dengan perkataan.

此考卷版权为该学校所有，我们仅重新排版，游览 [30.com.my](https://30.com.my) 以下载更多历年考卷  
加入 FB 群 [facebook.com/groups/sjkcmy/](https://facebook.com/groups/sjkcmy/) 或专页 [facebook.com/sjkcmy](https://facebook.com/sjkcmy) 以获取最新消息

---

b. Apakah hubungan Encik Narendra dengan Ajay?

---

---

---

c. Mengapakah Encik Chandra dan Puan Jayanti dikatakan sebagai tuan rumah?

---

---

---

d. Pada pendapat anda, mengapakah Encik Narendra menawarkan hadiah istimewa?

---

---

---

Soalan 25

Baca puisi di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Ingatlah sahabat baik tempat bercerita,  
Meluah kasih dan cerita,  
Hendaklah saling seia sekata,  
Dapat mengelak rasa curiga.

Agar diri tidak sengketa,  
Bersatu padu perlu biasa,  
Berjiwa besar haruslah sentiasa,  
Suci di hati bagai dikata.

Jika salah sudah terbukti,  
Pohon kemaafan mula di hati,  
Jangan berdendam jangan sakiti,  
Rakan kenalan suka didekati.

Ingat pesan buat iktibar,  
Dengan sahabat mestilah bersabar,  
Selalunya bertanya khabar,  
Teman pasti tersenyum lebar.



如果这考卷对您有帮助，请考虑提供您所拥有的考卷，让其他人也受惠  
您可电邮至 [30commy@gmail.com](mailto:30commy@gmail.com) 或 PM 我们的 Facebook 专页：[fb.com/sjkcmly](https://fb.com/sjkcmly)

a. Apakah maksud rangkap pertama di atas?

---

---

b. Apakah sikap yang diamalkan oleh penulis?

---

---

c. Tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul dan (X) bagi pernyataan yang salah berdasarkan puisi tersebut.

|   |  |
|---|--|
| Tempat yang paling sesuai untuk bercerita ialah kepada sahabat yang baik dan sehati sejiwa. |  |
| Kita hendaklah selalu menghantar e-mel kepada teman untuk mengetahui tentang dirinya.       |  |

Ingat pesan buat iktibar,  
Dengan sahabat mestilah bersabar,  
Selalunya bertanya khabar,  
Teman pasti tersenyum lebar.

d. Terangkan maksud baris-baris rangkap terakhir puisi di atas.

---

---

---